

Konvokesyen Usim ke-13 raikan lebih 2,000 graduan

NILAI - Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) akan merayakan 2,498 graduan dalam Majlis Konvokesyen ke-13 di Nilai pada Sabtu, Ahad dan Isnin ini.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Musa Ahmad berkata, daripada jumlah itu, seramai 34 akan menerima ijazah doktor falsafah (PhD), selain penerima sarjana (142), Diploma (30) dan Ijazah Sarjana Muda (2,292).

Beliau berkata, majlis istiadat Pembukaan Majlis Konvokesyen dijadualkan disempurnakan Canselor Usim, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud, selain dihadiri Pro-Canselor Usim, Tengku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Ibn Tuanku Muhriz.

"Sempena majlis istiadat pembukaan ini, dua tokoh akan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (Kehormat) iaitu Presiden Universiti Islam Malaysia, Cyberjaya, Tan Sri Dr Mohd Jusoh @ Yusoff Md Nor dan mantan Ketua Hakim Negara, Tun Datuk Seri Zaki Tun Azmi.

"Seorang penerima gelaran Profesor

Emeritus diberi kepada mantan Dekan Pertama Fakulti Pergigian Usim, Profesor Datuk Dr Wan Mohamad Nasir Wan Othman," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Hadir sama pada sidang media itu, Timbalan Naib Canselor, Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Zulkiple Abd Ghani.

Selain itu, Musa berkata, masing-masing dua pelajar akan menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) dan Anugerah Canselor (Pelajar Sarjana Muda dan Pelajar Siswazah) serta seorang Pingat Naib Canselor.

"Semua penerima akan diraikan bersama ibu bapa masing-masing dalam satu majlis santapan yang akan diadakan di Hotel Pullman, Putrajaya, Jumaat ini.

"Selain itu, bersempena dengan majlis konvokesyen ini, dua acara sampingan utama diadakan iaitu Pesta Konvokesyen USIM (C-Fest) yang berlangsung selama empat hari bermula Jumaat ini," katanya.



Dari kiri: Hassan, Musa dan Zulkiple pada sidang media semalam menunjukkan konsep Muqarnas yang akan digunakan sebagai tema reka bentuk konvokesyen kali ini.